

03 DEC 1997

OIC-Kemuncak

IRAN BERI SAMBUTAN PERMAIDANI MERAH BAGI SIDANG KEMUNCAK ISLAM

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

KUALA LUMPUR, 3 Dis (Bernama) -- Iran akan memberi sambutan permaidani merah kepada ketua-ketua kerajaan Islam yang berhimpun di Teheran minggu depan bagi menghadiri sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Bagi Iran, selaku pengeluar utama permaidani di dunia, ia menganjurkan perhimpunan terbesar pemimpin asing dalam masa dua dekad dan perhimpunan kali ini merupakan sidang kemuncak terakhir OIC yang berlangsung abad ini.

Timbalan Ketua Perwakilan Kedutaan Iran di sini, Javad Shahidi berkata semua 55 negara anggota menerima undangan untuk menghadiri sidang kemuncak kelapan dari 9 hingga 11 Dis.

"Ini merupakan petanda baik...kami berasa optimistik bahawa sidang kemuncak akan merapatkan hubungan antara negara-negara Islam," kata beliau dalam wawancara dengan Bernama di sini hari ini.

Sidang kemuncak akan didahului dengan mesyuarat para pegawai kanan dan Menteri Luar.

Beliau berkata sidang kemuncak itu membolehkan Presiden Iran, Mohammad Khatami, yang dipilih pada Mei lalu, untuk berkenalan dengan para pemimpin Islam yang kebanyakannya beliau akan menemui buat kali pertama.

Shahidi berkata Iran menaruh harapan bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menghadiri sidang kemuncak berkenaan kerana beliau "terbukti seorang tokoh antarabangsa.

"Dr Mahathir memainkan peranan aktif untuk kesejahteraan masyarakat antarabangsa termasuk mempertahankan hak negara Islam dan kami mengharapkan beliau berbuat demikian pada sidang kemuncak OIC ini," kata beliau.

"Oleh kerana Dr Mahathir berkata bahawa ummah Islam perlu bertindak dan tidak hanya bercakap, beliau mungkin mempunyai beberapa idea baru untuk dikongsi bersama pada sidang kemuncak itu," tambah Shahidi.

Beliau berkata secara kebetulan, Dr Mahathir ialah pemimpin asing pertama yang diundang oleh Iran bagi sidang kemuncak itu.

Disamping Raja-raja, presiden dan perdana menteri dari negara-negara anggota OIC, undangan juga disampaikan kepada ketua-ketua pertubuhan antarabangsa termasuk Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Kofi Annan.

Shahidi berkata sidang kemuncak kali ini dijangka memberi tumpuan tentang perlunya negara-negara Islam mempertingkatkan kerjasama dalam bidang ekonomi.

"Kita harus menggerakkan usaha bagi meningkatkan perkongsian negara Islam dalam ekonomi dunia...menggembelngkan sumber mereka bagi kepentingan antara satu sama lain. Sidang kemuncak boleh menghasilkan kerjasama ekonomi di kalangan negara anggota dengan mengambil kira kepentingan lebih satu bilion umat Islam di dunia," kata beliau.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, ketika menggariskan harapan Malaysia bagi sidang kemuncak itu berkata, OIC harus memberi perhatian kepada perkara ekonomi seperti meningkatkan perdagangan dan pelaburan kerana ia penting bagi pembangunan masyarakat Islam.

Dr Mahathir sendiri pernah menekankan pada sidang kemuncak yang lepas di Casablanca, Maghribi bahawa negara-negara Islam boleh bertindak lebih berkesan dan mempunyai suara lebih nyaring dalam hal ehwal dunia jika mereka bersatu dan mengukuhkan perpaduan.

Shahidi berkata kerjasama ekonomi antara Iran dan Malaysia boleh menjadi contoh bagi negara Islam yang lain.

Beliau menarik perhatian kepada penyertaan Petronas dalam konsortium

untuk membangunkan kawasan telaga Gas Southern Pars di Iran sebagai sesuatu yang memanfaatkan kedua-dua negara.

"Kita hidup dalam dunia yang bebas...kita boleh menjalin perdagangan dengan sesiapa sahaja," kata beliau ketika mengulas undang-undang Amerika Syarikat yang menghukum firma asing yang melabur lebih AS\$20 juta setahun dalam sektor minyak dan gas di Iran.

Syarikat Perancis, Total SA mengetuai konsortium itu yang menandatangani perjanjian bernilai AS\$2 bilion dengan Iran pada September. Rakan kongsi iain dalam konsortium itu ialah syarikat dari Rusia, Gazprom.

-- BERNAMA

AZZ FAZ